

**TEKS UCPANA DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DEWAN BADMINTON PULAPOL, KUALA LUMPUR (DBP)(KL)
MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN BADMINTON KELAB SRI AMAN 1992
30 DISEMBER 1992**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Puan Sri Hamidah dan Jawatankuasanya kerana menjemput saya merasmikan Majlis Penutup Kejohanan Badminton Kelab Sri Aman 1992 pada petang ini setelah bermain selama empat hari di sini.

2. Setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Sri Hamidah kerana menganjurkan pertandingan badminton hinggalah ke puncak kemeriannya petang ini. Kegiatan seperti ini adalah digalakkan bukan sahaja kerana kesan permainan badminton itu ke atas kesihatan pemain-pemain sendiri, tetapi lebih penting permainan badminton mendatangkan banyak lagi kesan sampingan yang memberi manfaat kepada para pemain.

3. Badminton tidak boleh dimainkan secara seorang sahaja. ia memerlukan sekurang-kurangnya dua orang pemain untuk bermain secara perseorangan dan empat orang untuk bermain secara beregu. Ini bererti pemain-pemain perlu dikumpulkan untuk permainan ini dijalankan. Satu aspek sosial badminton yang seringkali dilupai oleh masyarakat ialah permainan ini membolehkan pemain-pemainnya mengenali antara satu sama lain dan dengan itu mengeratkan lagi silaturahmi dan persahabatan.

4. Yang keduanya, persediaan untuk bertanding memerlukan latihan yang tertentu dan teratur. Bagi ahli-ahli Kelab Sri Aman mungkin ini tidak mendatangkan masalah besar kerana jika tiada pertandingan pun, ahli-ahli sudah berdisiplin dari tugas masing-masing. Sambil berlatih, keyakinan diri dan sikap positif terhadap permainan badminton dapat di bina supaya pemain bermain dengan mutu yang tinggi di samping bersaing secara sihat.

5. Dalam persaingan sukan, tentu sekali hasrat kita ialah hendak menang tetapi dalam apa juga permainan mesti ada pihak yang tidak bernasib baik dan kalah. Inilah peraturan pertandingan dalam sukan yang mesti kita terima dan patuh. Yang penting ialah kita hendaklah bermain dengan penuh semangat kesukanan dan kerana sukan.

6. Saya mengucapkan syabas kepada pemain-pemain yang berjaya baik secara individu atau pasukan. Kemenangan mereka harus menjadi dorongan dan cabaran bagi pihak lain di pertandingan-pertandingan yang akan datang. Kepada yang gagal menjadi johan atau mendapat tempat, diharapkan mereka tidak berputus asa tetapi sebaliknya hendaklah mencuba lagi.

7. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana sudi menjemput saya. Dengan harapan permainan badminton akan merapatkan lagi ahli-ahli Kelab Sri Aman

seterusnya, saya dengan sukacita mengisytiharkan Kejohanan Badminton Kelab Sri Aman ditutup dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.